

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

Kempen Pengecualian Fi Pengendalian Akaun Semasa Mata Wang Asing/i CIMB 2025

Tempoh Kempen

1. Kempen Pengecualian Fi Pengendalian Akaun Semasa Mata Wang Asing/i CIMB 2025 ("**Kempen**") dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad [197201001799] dan CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872] (secara bersama dirujuk sebagai "**CIMB**") akan bermula dari **1 April 2025 sehingga 31 Disember 2025**, termasuk kedua-dua Tarikh yang dinyatakan ("**Tempoh Kempen**").

Kelayakan

2. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan yang membuka Akaun Semasa Mata Wang Asing / Akaun Semasa Mata Wang Asing-i ("**FCCA-i**") yang menggunakan Mata Wang Asing yang Layak (seperti yang ditakrifkan di dalam jadual di Klausa 3 di bawah ini) sepanjang Tempoh Kempen (dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**").
3. Bagi mengelakkan keraguan, Mata Wang Asing yang Layak adalah seperti berikut:

Mata wang Asing yang Layak	
1.Dolar AS (USD)	8.Dolar Australia (AUD)
2.Paun Sterling (GBP)	9.Dolar Singapura (SGD)
3.Yen Jepun (JPY)	10.Thai Baht (THB)
4.Dolar New Zealand (NZD)	11.UAE Dirham (AED)
5.Swiss Franc (CHF)	12.Dolar Canada (CAD)
6.Euro (EUR)	13.Yuan RMB Cina (CNH)
7.Dolar Hong Kong (HKD)	14. Riyal Saudi (SAR)

4. Individu-individu/entiti-entiti berikut adalah terkecuali dan **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:-
 - a) Pelanggan individu sedia ada Akaun Semasa Mata Wang Asing/i dalam mata wang yang layak
 - b) Pelanggan perniagaan pemilikan tunggal; dan/atau
 - c) Perusahaan kecil dan sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan-pelanggan komersil dan korporat yang ditentukan oleh CIMB yang juga termasuk tetapi tidak terhad kepada perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikatendirian berhad, organisasi amal /tanpa profit, pertubuhan dan perkongsian profesional; dan/atau
 - d) Pelanggan yang menutup akaun FCCA-i dalam tempoh enam (6) bulan yang lalu; dan/atau
 - e) Individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke bawah
5. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak mengakui dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam mana-mana kategori individu/entiti yang dikecualikan seperti yang dinyatakan di atas.

Kaedah Penyertaan Kempen

6. Bagi menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak hendaklah membuka akaun FCCA-i baharu dan membuat deposit ke dalam dan/atau pengeluaran daripada akaun sepanjang Tempoh Kempen

7. Tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria sepertimana yang ditetapkan dalam Klausa 6 berhak mendapat pengecualian fi pengendalian ("**Fi Pengendalian**"), seperti yang dinyatakan di bawah:-

Butiran Fi	Mekanik Kempen
Fi pengendalian untuk penyertaan debit/kredit (tidak termasuk pemindahan/penempatan ke dalam akaun Deposit Tetap Mata Wang Asing & penempatan pembetulan) - USD2.00 atau bersamaan RM setiap kemasukan	USD2.00 atau bersamaan RM setiap kemasukan akan dicaj untuk penyertaan debit/kredit semasa Tempoh Kempen dan seterusnya dibayar balik

8. Pelanggan yang Layak yang telah memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Klausa 6 dan 7 layak untuk mendapatkan pengecualian **Fi Pengendalian** secara pembayaran balik. Sebarang Fi Pengendalian yang dikenakan pada bulan tersebut akan ditukarkan kepada MYR dan dibayar balik dengan mengkreditkan ke dalam akaun afiliasi MYR dalam masa tidak lewat daripada 8 minggu selepas tamat setiap bulan yang layak. Sekiranya akaun afiliasi tidak aktif atau tidak tersedia, pembayaran balik Fi Pengendalian akan dikreditkan ke dalam akaun CASA/-i alternatif yang tersedia, berdasarkan tarikh pembukaan akaun terbaru.
9. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, kadar penukaran yang digunakan untuk mengira pembayaran balik Fi Pengendalian akan berdasarkan kadar Membeli Pemindahan Telegrafik (TT) hujung bulan Bank, yang diterbitkan diaman sesawang rasmi Bank.
10. Ilustrasi pengecualian kelayakan **Fi Pengendalian**:

Tempoh Kempen: 1 April 2025 – 31 Disember 2025

Senario	Perincian	Kelayakan
Pelanggan A	Tidak mempunyai Akaun FCCA/-i. Membuka Akaun FCCA/-i pada bulan Mei 2025 dan melakukan transaksi seperti di bawah: - Jun 2025: 2x deposit, 1x pengeluaran (USD6 atau bersamaan RM) - Julai 2025: Tiada - Ogos 2025: 3x deposit, 2x pengeluaran (USD10 atau bersamaan RM)	Layak untuk menerima pembayaran balik Fi Pengendalian untuk bulan Jun 2025 dan Ogos 2025.
Pelanggan B	Mempunyai Akaun FCCA/-i USD . Membuka Akaun FCCA/-i GBP pada bulan Jun 2025 dan melakukan transaksi seperti di bawah: Jun 2025: 1x deposit, 1x pengeluaran (USD4 atau bersamaan RM)	Layak untuk menerima pembayaran balik Fi Pengendalian untuk Akaun FCCA/-i GBP untuk bulan Jun 2025, Julai 2025 dan Ogos 2025.

	• Julai 2025: 1x deposit (USD2 atau bersamaan RM) • Ogos 2025: 3x deposit (USD6 atau bersamaan RM)	
Pelanggan C	Mempunyai Akaun FCCA/-i dan melakukan transaksi seperti di bawah: • Oktober 2025: 1x deposit, 1x pengeluaran (USD4 atau bersamaan RM) • November 2025: 3x deposit, 2x pengeluaran (USD10 atau bersamaan RM) • Disember 2025: 1x pengeluaran (USD2 atau bersamaan RM)	Tidak layak untuk menerima pembayaran balik Fi Pengendalian kerana Pelanggan C ialah pemegang akaun FCCA/-i sedia ada
Pelanggan D	Tidak mempunyai Akaun FCCA/-i. Membuka Akaun FCCA/-i pada bulan November 2025 dan melakukan transaksi seperti di bawah: • November 2025: 2x deposit, 2x pengeluaran (USD8 atau bersamaan RM) • Disember 2025: 1x deposit, 1x pengeluaran (USD4 atau bersamaan RM) • Januari 2026: 2x deposit, 1x pengeluaran (USD6 atau bersamaan RM)	Layak untuk menerima pembayaran balik Fi Pengendalian untuk Akaun FCCA/-i untuk bulan November 2025 dan Disember 2025. Tidak layak untuk menerima pembayaran balik Fi Pengendalian untuk bulan Januari 2026 kerana ia di luar Tempoh Kempen.

11. FCCA/-i adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

12. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
- dikehendaki membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang menjejaskan kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - memberi kebenaran kepada CIMB memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta sebarang data peribadi mana-mana individu yang Pelanggan Layak boleh berkongsi dengan CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan yang Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian

mana-mana kewajipannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:

- (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
- (ii) kegagalan elektrik;
- (iii) pertikaian industri, peperangan, mogok atau rusuhan;
- (iv) sebarang bencana alam ('*act of God*') di luar kawalan CIMB atau
- (v) apa-apa faktor yang bersifat '*force majeure*' yang berada di luar kawalan munasabah CIMB

13. Pelanggan yang Layak akan hilang kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau pembayaran balik **Fi Pengendalian** jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pembayaran balik **Fi Pengendalian**:
- a) Pelanggan yang Layak melanggar Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang mengawal FCCA/-i;
 - b) FCCA/-i ditamatkan atau ditutup atau dibuat tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang; atau
 - c) FCCA/-i tertunggak, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan yang Layak atau CIMB.
14. CIMB mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak yang didapati:
- a) mengganggu proses kemasukan/penyertaan/permohonan; dan/atau
 - b) bertindak memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
15. CIMB mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan yang Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
 - (iv) melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada mana-mana pembatalan, penangguhan, pemendekan atau pelanjutan Kempen tersebut.

16. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampungan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:
- a) Penyertaan atau kegagalan penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen; dan/atau
 - b) Sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan eDM oleh Pelanggan yang Layak

melainkan jika kerugian atau kerosakan tersebut adalah berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB.

17. a) CIMB berhak untuk mengubah, menambah, memadam atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan yang Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
 - (iv) iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau

- (v) melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
 - b) Pindaan hendaklah dianggap sebagai terikat ke atas Pelanggan yang Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi tersebut.
 - c) Jika perubahan itu diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Pelanggan yang Layak tentang perubahan ini secepat mungkin
 - d) Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB pada selang masa yang tetap untuk melihat Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa ia sentiasa dikemas kini dengan sebarang variasi kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
18. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Pindaan tersebut.
19. Pelanggan yang Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB tidak ditanggung rugi terhadap mana-mana yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB yang disebabkan oleh:
- a) penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen tersebut; dan/atau
 - b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Kadar Faedah Kempen oleh Pelanggan Layak
 - c) pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini
20. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
- a) adalah mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
 - b) hendaklah dibaca bersama dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat sedia ada berhubung FCCA/-i yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
21. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan garis panduan, arahan semasa, notis yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB dari semasa ke semasa.
22. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang ia ada dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang CIMB miliki pada masa hadapan.
23. a) Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("CRU") untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan Kempen ini menerusi surat, panggilan telefon, atau e-mel:
- Alamat : CIMB Customer Resolution Unit, P.O. Box 10338,
GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
- No Telefon : 603 6204 7788
- E-mel : contactus@cimb.com
- b) CIMB boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memaklumkan kepada Pelanggan yang Layak menerusi pengumuman di laman sesawang CIMB atau dengan mana-mana cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB.